

Kejatuhan kos beri kelebihan – MSM

KUALA LUMPUR 24 Ogos – Penge-luar gula bertapis, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mencatatkan untung bersih sebanyak RM30.14 juta bagi tempoh separuh pertama berakhir 30 Jun 2018 berbanding kerugian RM56.07 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, prestasi positif itu dipacu oleh kejatuhan kos gula mentah sebanyak 32 peratus selain pengukuhan nilai ringgit kepada RM3.93 berbanding RM4.38 pada separuh pertama 2017.

Jelas beliau, pendapatan sesaham (EPS) berada pada 4.29 sen berbanding kerugian sesaham iaitu 7.98 sen untuk tempoh sama 2017.

“Kedudukan kewangan yang baik ini membolehkan MSM mencapai sasaran keuntungan pada tahun ini sekali gus mengukuhkan bahagian pasaran dan membawa kepada perniagaan yang mampan.

“Perniagaan kami menunjukkan tanda-tanda pengukuhan dan peningkatan dalam keuntungan. Bagaimanapun, kami akan sentiasa memantau faktor luaran seperti harga gula mentah, kadar tukaran asing, lebihan gula global serta krisis Amerika dan China,”



PRESTASI positif MSM dipacu oleh kejatuhan kos gula mentah sebanyak 32 peratus. – GAMBAR HIASAN

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada suku kedua 2018, MSM mencatatkan perolehan sebanyak RM573.22 juta iaitu 17 peratus lebih rendah berbanding tempoh sama tahun lalu.

Kejatuhan itu disebabkan oleh pengurangan jumlah jualan sebanyak tujuh peratus dan penurunan 13 peratus terhadap harga jualan berikutan pengeluaran permit gula import (AP) yang telah mendorong kepada penyedupan dari negara jiran.

Tambah Khairil, keuntungan untuk suku kedua 2018 telah meningkat dengan ketara dan ia menjadi tanda yang jelas kepada pemulihan dan mampu mencapai sasaran awal yang telah ditetapkan.

Menurutnya, masih terlalu awal untuk diperkatakan walaupun syarikat berdepan dengan beberapa faktor negatif seperti peningkatan kos operasi melalui kenaikan tarif elektrik dan gas serta gaji minimum yang dilihat berpotensi memberi tekanan kepada prospek pendapatan MSM.